

*Apa yang sa-harus-nya di-ketahui
mengenai*

**KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM**

**MINGGU KESETIAAN NEGARA
3 hingga 9 Desember, 1959**

**PENERBITAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
SINGAPURA**

KEMENTERIAN DALAM HAL EHWAL NEGARA

Kementerian "Menjaga Keselamatan Negara"

ADA PUN MENTERI BAGI HAL EHWAL NEGARA itu terserah kepada-nya dengan tanggung jawab atas beberapa² dan perkara² seperti yang di-bawah ini: —

<i>Jabatan²</i>	<i>Perkara²</i>
Perkawalan	Keselamatan Dalam Negara
Penjara ²	Pertahanan
Immigration	Perkhidmatan Negara
Pejabat Pendaftar Kera- yatan	Hal Ehwah Ugama
Pejabat Pendaftar Bera- nak dan Mati	Pejabat Haji
Pilehan ² Raya	Perkara Mengeluarkan lesen ² di-bawah Undang ² Obat ² Merbahaya (ini ada-lah bagi Pusat Rawat- tan Penyakit Hisap Chan- du) atau pun Peraturan Undang ² Jenayah (ia-itu Pusat Membaiki Ahlak yang di-namakan Reform- ative Training Centre).
Pejabat Penapis Film	Perkara Melantekkan J.P. Hari ² Kelepasan Hotel ²
Pejabat Penyiasatan Cor- ruption	Pajak ² Gadai Perkumpulan ² Siaran ² yang tidak di- ingini Surat ² Khabar Pustaka Kerajaan

湯貴謹珍藏
Seleksi Yang Quee Yee

Tanggung jawab-nya Menteri itu meliputi seluas banjaran perkara² yang penting lagi bermacam², yang mana setengah-nya itu mustahak untuk keamanan, ketenteraman dan keselamatan bagi Negera Singapura yang baharu dan juga untuk kemajuan politik dan ekonomi.

KELANCHARAN HASIL PARI PEMUSATAN

Urusan² dalam Kementerian Hal Ehwal Negara itu telah di-lichinkan dan di-pusatkan supaya menambahkan kecekapan dengan sechura lebeh baik daripada apa yang mungkin di-masa lampau. Mithal-nya, Pejabat Pendaftaran Orang² mengena-i Kerayatan, Pejabat Beranak dan Pejabat Pendaftaran Card² Pengenalan yang bersangkutan part rapat satu dengan lain itu pada pekerjaan-nya ada-lah sekarang menjadi sa-belah menyebelah dalam Bangunan Kementerian. Begitu juga Chawangan Siaran² dan Perkumpulan² bagi Kementerian itu sekarang telah pun di-tempatkan dalam Bangunan Kementerian.

Dalam tugas²-nya dan tanggung² jawab-nya maka Menteri itu ada-lah di-bantu oleh sa-orang Setia-usaha Parlemen yang ada-lah anggota Badan Undangan Negera dan sa-orang Setia-usaha Tetap yang ada-lah sa-orang Pekerja Awam. Ada pun Setia-usaha Parlemen itu mengambil berat dengan luas-nya atas tugas²-nya mengena-i bagi Menteri itu dan beliau itu ada-lah Timbalan bagi Menteri itu selagi beliau mempunya-i perhubungan dengan orang ramai. Menteri itu mungkin juga menyerah² kuasa²-nya kepada Setia-usaha Parlemen dalam perkara yang tertentu. Setia-usaha Tetap menjalankan di-bawah kuasa kawalan dan pengerahan agong bagi Menteri terhadap pertadbiran jabatan² yang di-bawah tauliah-nya Menteri itu.

Di-dalam para² yang berikut ini ada-lah di-cheritakan dengan lebeh rumit lagi terhadap pertubohan² dan pekerjaan dari berbagai Jabatan² di-bawah Kementerian itu.

* * * * *

PERKAWALAN

PERTUBOHAN² DAN PEKERJAAN²

Ada pun Pesuruh Jaya itu terserah kepada-nya dengan pengerahan dan pertadbiran bagi Pasokan Police dan beliau

itu di-bantu oleh sa-orang Timbalan Pesuroh Jaya mentadbirkan Pasokan Police dan lima lagi Penolong Pesuroh Jaya menjaga perentahan² yang lain² seperti di-bawah ini:—

Penolong Pesuroh Jaya Kanan, Daerah² yang di-perentah: Beliau bertanggung jawab atas tugas² Police yang biasa dan yang sa-tiap hari termasuk penyiasatan semua jenayat biasa, dan kerana tujuang ini, maka beliau menjaga sakalian Uniform Branch Police dalam empat Daerah, delapan Perentah dan tiga puluh Sembilan balai² kecil Police dan Post, Bahagian Perhubungan, Pasokan Pengantar dan Penjaga dan Mata-mata Sukarela Khas, Pegawai² Pendawaan di-Mahkamah, Pegawai² mata gelap di-satu Ibu Pejabat Daerah. Beliau di-bantu pada menjalankan tugas²-nya oleh sa-orang Pengelola Kerja Luar, Pengelola Perhubungan², sa-orang Timbalan Pengelola yang menjaga Kakitangan Police di-Mahkamah, Tuan Komandan, Pasokan Pengantar dan Penjaga, dan Pegawai Kakitangan, Mata-mata Sukarela Khas.

Penolong Pesuroh Jaya—Pengarah, Pejabat Rahsia: Beliau bertanggung jawab kerana mengumpul, membanding dan mengharga-i sakalian keselamatan kemajuan politik yang berasas atas keselamatan Negara.

Penolong Pesuroh Jaya—Sa-Bahagian² yang di-perentah: Beliau menjaga sa-bahagian reserve mobile yang di-khaskan— Pasokan Gurkha dan Pasokan Reserve dan Traffic Branch, Marine Division yang ada sembilan balai² Police dan Post, Pasokan Keselamatan, Pejabat Motor Transport dan Pasokan Anjing.

Penolong Pesuroh Jaya—Jabatan Penyiasatan Jenayah: Dia bertanggung jawab kerana maalumt jenayah yang agong dan penyiasatan bunoh membunoh, jenayat yang epidemic atau jenis jenayat bagi pakar dan kerana tujuang ini, maka beliau menjaga chawangan² jenayat bagi pakar dan Pejabat Record Jenayah Police. Pe-

nolong Pesuruh Jaya C.I.D. merentah segala Pasokan² Jenayah dalam semua tempat² yang di-bawah Perentah² Police.

Penolong Pesuruh Jaya—Bahagian Pendidik dan Kakitangan: Dia bertanggung jawab kerana mengambil orang² baharu, mendidik dan kerana record² kakitangan dan beliau menjaga juga Pasokan Police Wanita, Pasokan Pendidikan Tinggi dan Sekolah Latihan Police. Dia di-bantu oleh Tuan Komandan dari Sekolah Latihan Police, sa-orang Timbalan Pengelola, Pegawai Pelajaran Pasokan, Pegawai Kebajikan dan O.C. Police Wanita. Pasokan itu di-bantu dalam Kawasan Naval Base, dan Harbour Board oleh Pasokan Police Kechil dan yang lain.

Di-bawah ini ada-lah juga bersangkutan dengan Kakitangan Ibu Pejabat:—

Sa-orang Setia-usaha Police yang biasa-nya ada-lah Pegawai Pentadbiran dari orang awam. Dia bertanggung jawab kerana perhubungan raya, anggaran² dan dalam hal mengelolakan kakitangan orang awam; atau pun

Satu Chawangan Pertubohan dan Meranchangkan kerana tugas² luar biasa dan kerana mentadbirkan barang² simpanan Quartermaster, Chawangan² Senjata Pasokan, Timbangan² dan Ukuran² dan Senjata² Api dan Letopan²;

Sa-orang Pegawai Kewangan dan Kakitangan.

BILEK GERAKAN² BERSAMA

Untuk gerakan² besar, atau gerakan² bersama dengan Pasokan² Keselamatan Dalam Bahagian Tentera dan Pertahanan Awam, maka Ibu Pejabat Pasokan dan ada satu Pusat Perkawalan Gerakan bersama yang di-aturkan dengan istimewa dan dalam pusat ini telah di-tempatkan dengan Bahagian Pertubohan² bersama dengan perkawalan radio

Police, perhubungan telephone dan teleprinter serta satu bilek untuk bertugas dua puluh empat jam kerana panggilan kechemasan tiap² hari.

Angka² yang berikut di-bawah ini menunjukkan tenaga Police yang betul dan yang di-benarkan:—

	1956		1957		1958		1959	
	Yg. Di-benarkan	Yg. Betul	Yg. Di-benarkan	Yg. Betul	Yg. Di-benarkan	Yg. Betul	Yg. Di-benarkan	Yg. Betul
Ibu Pasukan	4,472	4,030	4,465	4,039	4,516	4,176	4,578	4,369
Pasukan Pentas-tar dan Penjaga	978	1,333	975	1,300	961	1,276	825	818
Pasukan Sukarela Khas	1,500	1,110	1,500	1,105	1,500	1,140	1,500	1,080
	*	*	*	*	*	*	*	*

PENJARA²

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN

Dalam Singapura kita ada penjara² besar ia-itu Penjara Tempatan di-Outram Road dan Penjara Changi, dua pusat kerana membaiki ahlak di-Pearl Bank, Changi Camp, dan pusat rawatan penyakit hisap chandu di-St. John Island kira² enam batu dari Singapura. Kerana mengawalkan seluruh tempat² ini dan Perkhidmatan Penjara, maka sa-orang Pesuruh Jaya Penjara itu di-bantu oleh sa-orang Timbalan Pesuruh Jaya. Ibu Pejabat-nya bagi Jabatan Penjara itu adalah di-Pearl Bank.

Di-tiap² satu penjara ada sa-orang Pengelola yang menjaga tetapi kedua² Pusat Membaiki Ahlak itu di-kawal oleh satu Pengelola sahaja. Ada pun Pusat Rawatan Penyakit Hisap Chandu itu juga di-jaga oleh sa-orang Pengelola dan Pegawai² ini bertanggung jawab terus kepada Pesuruh Jaya kerana mengawalkan tempat² ini dengan baik-nya.

Selain daripada Pesuruh Jaya dan Timbalan Pesuruh Jaya maka Kakitangan dalam tempat² Perkhidmatan Penjara² itu ada seperti di-bawah ini:—

Pengelola ²	4
Penolong Pengelola ²	3
Ketua ² Pegawai dari segala pangkat	7
Kepala ² Pegawai	68
Pegawai Bawah Tangan	39
Penjaga ² Penjara dari segala pangkat	335
Matron	1
Penolong Matron	11
Wanita ² Penjaga Penjara dari segala pangkat	11
Pengikut ² dari segala pangkat	42

Dalam Bangunan² Penjara itu ada di-dapati penambah² yang perlu dalam kakitangan doktor dan kerani untuk menjaga kesehatan penjara² dan untuk menguruskan pertadbiran Penjara².

PENJARA TEMPATAN

Penjara Tempatan di-Outram Road itu ada lima pergunaan-nya. Dalam penjara itu ada satu tempat untuk menahan orang² salah dalam bichara atau maseh di-tanggohkan bichara-nya di-antara mana itu termasuk juga orang² yang di-tahan di-bawah keredzaan Baginda Queen. Keduanya penjara itu menahan semua orang² salah dalam Negara yang di-hukomkan tidak lebeh dari 12 bulan dan penjara itu juga menjadi Rumah Pertahanan bagi orang² yang tidak bertempat lagi berhanyut ka-sana ka-mari. Ketiga penjara itu menahan orang² salah yang muda berumur dari 16 hingga 21 tahun yang telah di-hukom penjara dalam sekian² lama-nya, dan keempat-nya penjara itu menjadi tempat orang² salah yang kembali terus ka-Penjara Tempatan itu menakala hukoman mereka sedang di-timbangkan oleh Mahkamah² tetapi belum lagi di-ketahui beberapa lama-nya. Sakira-nya hukoman-nya lebeh dari 12 bulan maka dia segera-lah di-pindahkan ka-Penjara Changi dan penjara itu pun mengadakan satu tempat bagi pehak wanita² yang salah juga.

PENJARA CHANGI

Ada pun Penjara Changi menahan segala orang² salah dalam Singapura yang mana hukoman-nya lebeh dari 12

bulan. Penjara ini juga menerima semua orang² yang kena tahan di-bawah Undang² Keselamatan Orang Ramai dengan perbuatan² subversive atau jenayah, maka tahanan mereka itu ada-lah semata² kerana menjaga sahaja.

Di-bawah kawalan Penjara Changi ada satu Discharge Camp yang kecil lagi "terbuka" di-Woodlands yang di-kelela-i bersempena dengan Angkatan Laut Di-Raja Malaya. Discharge Camp ini telah di-untukkan oleh Pengelola Penjara Changi bagi orang² salah yang tidak berapa bulan lagi akan di-lepaskan dan yang di-anggapkan tidak payah lagi di-perhatikan sangat dan sanggup kira-nya bekerja keras.

PUSAT MEMBAIKKI AHLAK DI-PEARL BANK

Pusat Membaiki Ahlak di-tempatkan di-Outram Road tetapi pusat ini terasing dari Penjara Tempatan. Penjara ini telah di-dirikan dalam bulan July 1957. Semua orang² di-antara umur 16 dan 21 tahun yang di-hukumkan kerana mem-baiki ahlak di-terima masok di-Pearl Bank.

PUSAT MEMBAIKKI AHLAK DI-CHANGI CAMP

Dahulu-nya pusat ini satu penjara "terbuka" tetapi oleh kerana banyak orang² yang di-hukumkan untok membaiki ahlak, maka pusat ini telah di-jadikan sabagai satu Pusat Membaiki Ahlak dalam bulan September 1958. Penduduk² dalam pusat ini tidak datang terus dari Mahkamah² tetapi setelah berada dahulu dalam satu masa di-Pearl Bank. Keadaan²-nya itu "terbuka"; pekerjaan²-nya berat, keadaan di-sekeliling tempat itu dan pemerentahan di-situ boleh mendatangkan tata-tertib pada diri masing² dengan sa-bagus²-nya. Penduduk² pusat ini yang tidak puas hati atau pun tidak jaya untok mengatasi godaan² akan di-kembalikan ka-Pearl Bank dalam satu tempoh yang lebeh lanjut.

ORANG² SALAH KERANA MENJADI MANGSA HISAP CHANDU

Pusat ini ada-lah satu bangunan yang letak-nya di-St. John's Island kira² 6 batu dari Singapura. Bangunan ini di-pandang lebeh lagi sabagai satu tempat di-mana perhubungan

social dan obat mengobat sedang di-jalankan dan tidak pula di-pandang sa-bagai penjara. Dalam masa orang salah itu berada sabagai orang sakit di-hospital Penjara Tempatan tabi'at-nya menghisap chandu menjadi samakin kurang atau mundur sedikit demi sedikit oleh rawatan yang di-jalankan itu. Apabila perengkat rawatan yang mula² itu telah sempurna maka si-penjara itu pun di-pindahkan ka-St. John Island untok berobat dengan sechara yang lebeh halus lagi. Orang salah ini tinggal di-sana untok di-jaga dan di-perhatikan oleh doktor sa-panjang masa yang dia kena penjara dan kemudian di-keluarkan apabila dia telah semboh dari sakit mengisap chandu.

PERUSAHAAN DALAM PENJARA²

Perusahaan² telah di-adakan di-antara orang² salah dalam penjara² untok melatehkan dalam satu perusahaan supaya mereka menjadai lazim membuat satu pekerjaan yang tetap. Satu² penjara itu ada dengan tempat bertukang yang tersendiri bersama dengan pengajai²-nya. Dalam kedua² Penjara Changi dan Penjara Tempatan itu ada sa-orang pegawai yang telah di-khaskan dengan tugas²-nya sabagai Pegawai Perusahaan, dan di-samping ini ada pula sa-orang Pengelola Perusahaan kerana mengarah dan bekerja sama di-seluruh perusahaan ini, maka tempat-nya Pengelola Perusahaan ini di-pusatkan di-Outram Road. Banyak perusahaan² yang di-buat dalam penjara² itu ada-lah di-untokkan bagi Jabatan² Kerajaan dan Tentera² Laut, Darat dan Udara. Ada pun perusahaan ini terdiri dari beberapa pekerjaan seperti pertukangan kayu, menjahit dan mengunting baju, mendobi, menchetak dan menjilid buku², membaiki sepatu² boot dan membikin kerosi meja rotan.



IMMIGRESEN

Ada-lah pekerjaan yang terutama sekali bagi Jabatan Immigresen ini mengawalkan orang² masok ka-dalam Singapura dari luar Malaya untok tinggal sementara atau tetap atau pun untok meneruskan perjalanan mereka negeri² lain.

Tetapi Jabatan ini ada juga pekerjaan² lain yang mana termasuk perkara² mengeluarkan atau membaharukan paspot², visa² dan surat² orang yang menjajah ka-negeri² lain serta membuat surat orang² kapal sama ada dari raayat Singapura atau pun penduduk² asing.

Pertadbiran 'am bagi Jabatan ini di-jalankan dalam Ibu Pejabat-nya di-Palmer Road. Dalam Ibu Pejabat ini juga di-uruskan pekerjaan² yang terutama itu seperti mengeluarkan Permit² Masok Negeri, Permit² Masok Negeri Semula, Pass² aneka macham, visa² paspot² dan surat² dan surat² orang menjajah ka-negeri² lain.

Ada pun pekerjaan bahagian luar Jabatan ini meliputi pekerjaan memeriksa surat² orang yang datang atau pergi dengan kapal atau kapal terbang dan tugas² ini ada-lah di-jalankan di-Immigration Depot, East Wharf dan di-International Airport, Paya Lebar.

Juga Jabatan ini mendirikan sa-buah tempat kecil di-Fullerton Building supaya memudahkan membuat surat² orang kapal seperti Seji² Kebangasaan dan Diri-nya kepada orang² kapal yang mereka itu Raayat Singapura, dan Buku² mengena-i Diri-nya Orang² Kapal kepada penduduk² orang kapal luar negeri, serta juga memeriksa orang² kapal luar negeri yang hendak kerja belayar dan berhenti belayar dalam Singapura.

PERHUBONGAN RAPAT DENGAN PERSEKUTUAN

Oleh kerana Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu di-pandang sabagai satu perdirian terhadap tujuan perkara orang² masok dalam negeri, maka perhuboogan yang rapat dan kerjasama itu sangat di-kehendakki bukan sahaja oleh Menteri² yang berkenaan bahkan juga oleh Pengawal² Immigresen dari kedua buah jajahan itu mengena-i dasar dan perkara² yang sama kepada mereka itu.

Pengawal Immigresen itu bertanggung jawab kerana menjalankan dasar-nya Kerajaan Singapura, Dengan kerana menerusi Setia-usaha Tetap maka dia ada-lah juga di-bawah

kuasa-nya Menteri Hal Ehwal Negera. Dia juga bertanggung jawab kerana menjalankan dan mentadbirkan kerja² dalam Jabatan itu dan dia ada-lah di-bantu oleh kepala² pegawai seperti yang berikut ini:—

Timbalan Pengawal Immigresen itu bertanggung jawab kerana Pengawal Immigresen untuk mentadbirkan Jabatan itu termasuk perkara kewangan, persediaan bagi anggaran, seruan² kakitangan dan latihan kakitangan.

Penolong Pengawal Immigresen Kanan, Depot, itu bertanggung jawab terutama sekali pada menjalankan pekerjaan² bahagian luar Jabatan ia-itu mengena-i surat² orang datang dan pergi dengan kapal atau kapal terbang dan juga kerana membuat persediaan bagi semua orang² yang hendak pulang ka-tanah ayer sendiri setelah permintaan yang demikian itu telah di-buat dalam Ibu Pejabat. Dia juga menyusun angka² bulanan mengena-i tiba-nya kapal², kapal² udara dan penumpang².

Penolong Pengawal Immigresen menjaga Bahagian Paspot.

Penolong Pengawal Immigresen menjaga Permit² Masok Negeri Semula.

Penolong Pengawal Immigresen menjaga Permit² Masok Negeri yang bukan China.

Penolong Pengawal Immigresen menjaga visa² dan Lawatan².

Timbalan Penolong Pengawal menjaga Maalumat dan Perkara² Meranchang.

Timbalan Penolong Pengawal Immigresen Bahagian orang² Kapal.

* * * * *

CHAWANGAN PERTAHANAN

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN²

Chawangan Pertahanan dari Kementerian Hal Ehwal Negera ini ada-lah di-bawah seluruh kawalan Setia-usaha Tetap dan di-bantu oleh sa-orang Timbalan Setia-usaha

(Pertahanan) yang menjaga pertadbiran Chawangan itu. Timbalan Setia-usaha itu pula di-bantu oleh Kepala Penolong Setia-usaha, sa-orang Pegawai Perhubungan, Pasokan Kredit dan sa-orang Pegawai Pertadbiran Tinggi.

Tugas berat yang terutama sekali dari Chawangan Pertahanan ada-lah mentadbirkan Angkatan Pertahanan Tempatan dan pertubohan² yang lain di-samping tentera dan perkhidmatan². Ini boleh-lah di-berikan senarai-nya seperti berikut:—

Kelompok A. Persediaan Sukarela Angkatan Laut Di-Raja Malaya. (Bahagian Singapura).

(Malayan Royal Naval Volunteer Reserve. (Singapore Division).

Angkatan² Tentera Singapura. (Singapore Military Forces).

Angkatan Udara Penolong Malaya. (Malayan Auxiliary Air Force).

Pasokan Pemerintahan Perlabohan Singapura. (Singapore Harbour Board Reserve).

Kelompok B. Pertahanan Awam dan Pasokan Hospital Singapura. (Civil Defence and Singapore Hospital Reserve).

Perkhidmatan Bomba Bantuan. (Auxiliary Fire Service).

Pasokan² Pertahanan Bagi Pejabat Record. (Defence Forces Record Office).

Pasokan Kredit Laut Singapura. (Singapore Sea Cadet Corps).

Pasokan Sekolah Kredit. (School Cadet Corps).

Pasokan Latihan Udara Malaya. (Malayan Air Training Corps).

Kelompok A terdiri dari pasokan² yang ada tanggung jawab pertahanan dan ini semua ada-lah di-bawah Gerak Perentahan British melainkan pertadbiran dan dasar sahaja yang di-bawah Kerajaan Singapura. Kelompok B ada-lah pertubahan² membantu dengan mempunya-i tanggungan dan kemahuan yang terasing. Ada pun pasokan² yang aneka macham ini di-jelaskan dengan ringkas-nya di-bawah ini.

PERSEDIAAN SUKARELA ANGKATAN LAUT DI-RAJA MALAYA (BAHAGIAN SINGAPURA)

Selain daripada pengajar² tetap yang sedikit dan kakitangan teknikal maka Bahagian ini terdiri dari pegawai² part-time dan kelasi². Ibu Pejabat-nya di-letakkan di-South Boat Quay dekat Telok Ayer, dan bilangan kapal-nya sekarang ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.M.S. *LABURNAN*—Ibu Pejabat Kapal

H.M.S. *PANGLIMA*—Kapal Pertahanan Jalan Laut

H.M.S. *PANJI*—Kapal bekas Menchari Torpedo

H.M.S. *CANNA*—Kapal Tempat Membaiki Barang²

Ada satu motor boat pantas, satu motor boat di-gunakan dalam perlabohan, kapal² tangkap ikan paus, sekochi² dan perahu².

Ada pun Persediaan Sukarela Angkatan Laut Di-Raja dalam masa aman melatehkan orang²-nya untok masa perang dan dalam itu juga seberapa bolch-nya menambah dan melebehkan Angkatan Laut Di-Raja Malaya dan Police Laut pada mengawal laut² jajahan Singapura serta menjaohkan-nya daripada penyeludup². Tambahan lagi Pasokan Sukarela ini boleh di-panggil sakira-nya ada Kechemasan untok menyokong kuasa awam.

ANGKATAN² TENTERA SINGAPURA.

Ada pun Angkatan² Tentera Singapura sekarang terdiri daripada:—

PEKERJA² TETAP

Ibu Pejabat Brigade.

(Brigade Headquarters).

Satu Pasokan Askar Berjalan Kaki.

(One Infantry Battalion (1 S.I.R.)).

PEKERJA² SUKARELA

Satu Pasokan Askar Berjalan Kaki.
(One Infantry Battalion—1 S.V.C.).

Satu Regiment Tembak Meriam.
(One Regiment of Artillery).

Satu Pasokan Kereta² Kebal.
(One Squadron of Armed Cars).

Satu Pasokan Jurutera Kerja Bahagian Luar.
(One Field Engineer Squadron).

Satu Pasokan Signal).
(One Signal Squadron).

Satu Pasokan Penolong Jurutera Electric dan Pesawat.
(One Electrical and Mechanical Light Aid Detachment).

Satu Sharikat Pengangkutan.
(One Transport Company).

(Bersangkut dengan Pasokan² Sukarela ini ada satu pasokan kecil dan tetap untuk membantu latihan).

Ada pun Pasokan² Tentera Singapura itu dalam masa aman menyokong Police pada memliharakan keselamatan dalam negeri dan pasokan² ini di-tubuhkan dengan sechara yang mereka itu dapat memberi sokongan tentera yang sah-habis banyak kepada pertahanan Singapura.

ANGKATAN UDARA PENOLONG MALAYA

Ada pun Angkatan Udara Penolong Malaya Bahagian Singapura itu terdiri dari sa-buah Ibu Pejabat Penerbangan, satu Pasokan Kawalan Pejuang dan satu Pasokan Terbang. Angkatan ini harus kena panggil sakira-nya ada Kechemasan untuk menyokong Kuasa Awam.

PASOKAN PEMERENTAHAN PERLABOHAN SINGAPURA

Sakira-nya terjadi satu Kechemasan maka peranan-nya Pasokan ini ada-lah menentukan supaya ada satu badan yang teratur lagi mempunya-i tata-tertib dari pihak kakitangan

yang ada itu untuk menguruskan barang² muatan yang di-punya-i oleh orang² awam atau oleh pihak tentera, dan ada pun mengambil pekerja² bagi Pasokan itu hanya-lah daripada pekerja² dalam Perlabohan Singapura sahaja.

PASOKAN PERTAHANAN AWAM

Pada masa ini Pasokan Pertahanan Awam terdiri daripada 4 Bahagian sahaja, ia-itu Bahagian Ibu Pejabat; Bahagian Penjaga; Bahagian Penyelamat dan Ambulan dan Bahagian Mengumpul Kemalangan². Ada pun Pasokan Pertahanan Awam ini di-bentuk kerana pertahanan awam Singapura dan pasokan ini ada mempunya-i peranan² bagi masa amah dan perang juga. Dalam masa aman Pertahanan Awam itu tujuan-nya menyelamatkan jiwa dan mengurangkan penderitaan pada masa ada bahaya² seperti mithal-nya berlaku satu banjir atau kebakaran yang berat.

PASOKAN HOSPITAL SINGAPURA

Ada pun Pasokan Hospital Singapura ini di-aturkan untuk menambahkan kakitangan yang ada sekarang dalam semua hospital² di-Singapura dengan kakitangan yang terlatih kerana Kechemasan negara, dan ahli² pasokan ini berkhidmat dengan sukarela. Belum ada lagi kesusahan apa² kerana mengambil orang² baharu dan mereka di-latihkan dalam beberapa ward² di-General Hospital serta juga di-Ibu Pejabat Pasokan ini di-Kolam Ayer Lane.

PERKHIDMATAN BOMBA BANTUAN

Ada pun pasokan ini menambahkan Pasokan Bomba Bandar Raya dalam pertahanan awam. Ahli² sukarela mendapat latihan dalam segala rupa alat² kelengkapan dan tugas-nya terutama sekali kerana melawan api dalam masa kechemasan.

PASOKAN KEDIT

Ada pun tujuan-nya melatih Kedit itu supaya negeri sentiasa bersedia dengan pemuda² yang maju perasaan-nya dan chukup paham dengan latihan tentera yang asasi, agar

kelak menjadi ketua² kiri dalam angkatan negara sama ada dari pehak tetap atau pun pehak sukarela.

* * * * *

PEJABAT PENDAFTAR CARD PENGENALAN

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN

Pejabat Pendaftar Orang² mengena-i Card Pengenalan itu terserah kepada sa-orang Pesuruh Jaya Pendaftar dan di-bahagikan pula dengan lima bahagian seperti berikut:—

Pejabat Setia-usaha mengerjakan semua surat menyurat, pertanyaan mengena-i angka²;

Pendaftaran itu mengerjakan permintaan² Card² baharu, mengantikan card² yang sudah koyak rabak atau hilang atau pun chachat chemar, menukarkan Card² Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu dengan Card² Singapura, menukarkan alamat² dan butir² yang lain;

Menuliskan Card Pengenalan. Bahagian ini menuliskan segala-nya Card² Pengenalan.

Menyimpankan Pangkal² Card Pengenalan. Bahagian ini berurus dengan membatalkan segala pangkal² Card itu.

Selain dari Pejabat Pendaftaran di-Empress Place maka ada dua Pejabat² Pendaftaran yang bergerak ka-sana ka-mari dalam Daerah² luar bandar. Pejabat² ini di-tempatkan dalam Kereta Post Bergerak.

Di-bawah Undang² Pendaftaran Orang² tahun 1955 (No. 32, 1955), maka semua orang² dalam Negara Singapura yang lebeh dari 12 tahun umur-nya di-kehendakki supaya mengambil Card Pengenalan dan semua yang masok dalam Negara Singapura juga di-kehendakki mengambil Card dalam masa 30 hari tiba-nya mereka itu.

RANCANGAN RINGKAS UNTUK MENGELUARKAN CARD² PENGENALAN KEPADA BUDAK² SEKOLAH.

Satu rancangan baharu telah di-perkenalkan baharu² ini kerana mendaftarkan dan mengeluarkan card² pengenalan kepada budak² sekolah dalam semua sekolah² seluruh Pulau Singapura. Rancangan ini bukan sahaja melepaskan budak² itu dari susah payah datang ke-Pejabat Pendaftaran dan berdiri berderet² kerana pendaftaran bahkan juga menghidangkan penoh sesak dalam pejabat itu, terutama-nya dalam masa hari² kelepasan sekolah.

PEJABAT PENDAFTAR KERAAYATAN

PERTUBUHAN DAN PEKERJAAN

Pendaftar Raayat itu bertanggung jawab kerana menjalankan Pejabat Pendaftar Keraayatan. Di-bawah Pendaftar itu ada sa-orang Pegawai Pentadbir yang menjadi sa-orang Pesuruh Jaya Sumpahan. Pejabat Pendaftaran ini terbahagi dengan 5 bahagian seperti di-bawah ini:—

- Pejabat 'Am
- Bahagian Permintaan
- Bahagian Mengisi Borang
- Bahagian Berjumpa
- Bahagian Record.

Pejabat 'Am berurus dengan pengeluaran Sijil² dan perkara² sa-tiap hari dalam Pejabat. Bahagian Permintaan mengumpul wang² setem dan mengeluarkan borang² yang bersemen dan kemudian menetapkan apa hari si-peminta itu akan datang berjumpa.

ORANG RAMAI DI-TOLONG UNTUK MENGISIKAN BORANG²

Penulis² dalam Bahagian Mengisi Borang menolong peminta² itu mengisikan borang² dengan percuma. Peminta²

itu mengangkat sumpah di-hadapan Pesuruh Jaya Sumpahan setelah-nya borang² itu di-isikan. Bahagian Berjumpa itu pula berurus dengan peminta² yang datang pada hari yang telah di-tetap itu. Bahagain Record itu menjaga daftaran keraayaan dan juga memeriksa borang² yang di-terima dari Bahagian Berjumpa.

* * * * *

PEJABAT PENAPIS FILM

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN

Lembaga Penapis² Film ada-lah terdiri dari sa-orang Pengurus dan sa-orang anggota China, sa-orang anggota Melayu dan sa-orang anggota bangsa India.

Empat orang ini bersanggup kerana menapis film² yang di-bawa masuk ka-dalam Singapura. Pengurus dan anggota China itu ada-lah Pegawai² Kerajaan Singapura, dan anggota Melayu itu ada-lah sa-orang Pegawai Kerajaan Johore, dan anggota bangsa India itu ada-lah sa-orang yang bukan orang Kerajaan tetapi gaji-nya di-bayar menurut berapa kaki film dia telah saksikan. Pekerjaan² Lembaga itu di-kawal oleh Undang² Film Wayang Gambar (Cap. 213). Film² itu di-tapis-kan di-bawah pengarah² yang di-keluarkan oleh Kerajaan, dan penapis² film itu hendak-lah menggunakan mana pandai sendiri untok memberi keputusan atas perkara² yang tidak termasuk dalam istilah² pengarah.

TUAN² PUNYA FILM BOLEH MENYERU KERANA KENA POTONG

Sa-orang tuan punya film yang dukachita kerana film-nya kena potong atau kena tolak atau pun keputusan-nya dari Lembaga Penapis Film itu tidak memuaskan boleh menyeru kepada Jawatan Kuasa Seruan.

Jawatan Kuasa Seruan itu terdiri daripada sembilan orang yang di-lantik oleh Menteri itu, dan keputusan-nya Jawatan Kuasa Seruan ada-lah mu'tamat.

Tiap² perkara mengena-i film yang hendak di-tayangkan itu mesti-lah di-serahkan dahulu kepada Lembaga Penapis Film untuk mendapat kelulusan dan tanda penapisan. Jikalau pula tayangan-nya itu di-haramkan, maka tuan punya film itu berhak untuk menyeru. Pekerjaan²-nya Lembaga Penapis Film itu di-kawal oleh Undang² Film Wayang Gambar (Chap. 213).

PERHUBONGAN² DENGAN PERSEKUTUAN

Lembaga Penapis² Film, Singapura, bekerja sa-bagai Lembaga Penapis² Film Persekutan Tanah Melayu juga, dan sanggup menapis film² bagi kedua² jajahan itu. Masing² jajahan, bagaimana pun, memelihara satu Jawatan Kuasa Seruan yang terasing sama sakali. Kerana perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan, maka hasil dan perbelanjaan dari jabatan penapis film di-kongsi oleh Kerajaan Persekutuan.

PEJABAT PILEHAN RAYA

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN

Ada pun pekerjaan²-nya Jabatan Pilehan Raya itu di-bawah pengarahannya Pesuruh Jaya Pilehan yang di-bantu oleh sa-orang Penolong Pesuruh Jaya.

Pekerjaan² yang menurut undang² dalam Jabatan ini adalah persediaan dan siaran buku² daftaran yang mengandungi nama² pengundi serta jalan-nya pilehan² itu, dan kerana tujuan ini, maka Pesuruh Jaya Pilehan pun di-lantek menjadi Pegawai Pendaftaran dan Pegawai Pilehan Raya juga.

Buku² daftaran itu di-jadikan dari butir² yang di-dapati pada pangkal Card² Pengenalan yang di-tinggalkan dalam Pejabat Pendaftaran itu, dan persediaan nama² bakal jadi pengundi itu ada-lah menurut kelayakan² yang telah di-tetapkan dalam Undang² yang di-luluskan oleh Dewan Perhimpunan

Undangan Singapura di-bawah Chap. 53. Ada pun kelayakan²-nya seperti berikut:—

Sa-orang itu mesti menjadi Raayat Singapura.

Dia mesti menjadi penduduk Singapura pada 1hb. February dalam sebarang tahun.

Dia mesti berumur tidak kurang dari 21 tahun pada 1hb. July pada tahun itu.

BUKU² DAFTARAN PILEHAN RAYA TERPELIHARA SA-TAKAT MASA

Buku² daftaran itu di-pereksa dan di-siarkan tiap² tahun untuk di-masokkan nama² orang yang telah menjadi layak dan mengeluarkan nama² orang yang tidak layak lagi semenjak-nya Buku² daftaran itu mendapat siaran yang akhir. Dalam masa Buku² daftaran itu di-pereksa pada tiap² tahun maka alamat² pengundi di-baikki juga kerana pemindahan mereka dari satu masa ka-satu masa. Dengan yang demikian maka Buku² Daftaran itu pun terpelihara sa-takat masa dan sedia untuk di-pergunakan kerana pilehan raya di-sebarang masa yang mustahak di-adakan semula.

Ada pun pekerjaan yang kedua bagi Jabatan ini memimpin pilehan negara yang terdiri dari pilehan raya pada lima tahun sakali atau pilehan semula apabila menjadi mustahak. Perseediaan² kerana pilehan raya termasuk Surat² Penamaan daripada chalon² kepada pengundi², mendirikan dan melengkapkan tempat² membuang undi, mengantarkan peti undi dan menghebahkan keputusan-nya.

* * * * *

PEJABAT PENDAFTAR BERANAK DAN MATI

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN

Untuk mendaftarkan beranak dan mati itu, maka Singapura di-bahagikan dua daerah pendaftaran ia-itu Daerah

Bandar dan Daerah Luar Bandar dengan beberapa pusat² Pendaftaran. Susunan-nya ada-lah seperti berikut:—

Pendaftar 'Am Bahagian Beranak Dan Mati
(Ketua Statistics)

Pendaftar Beranak dan Mati,
Singapura.

<i>Daerah Bandar</i>	<i>Daerah Luar Bandar</i>
Penyelia Timbalan Pendaftar (Pegawai Kesehatan Bandar)	Penyelia Timbalan Pen- daftar (Pegawai Kesehatan Luar Bandar)
<i>Timbalan² Pendaftar di:</i>	<i>Timbalan² Pendaftar² di:</i>
Pusat Pendaftar Beranak dan Mati Bandar Raya.	Hospital Tentera British Hospital R.A.F., Changi
Hospital Beranak Kandang Kerbau	Hospital Sakit Gila
General Hospital	Trafalagar Home
Hospital Tan Tock Seng	Balai ² Police

Record² Dari Tahun 1872. Laporan² beranak dan mati dengan dua salinan dari pusat² yang tersebut di-atas dan tempat² didek'an itu ada-lah di-hantarkan ka-Pejabat Pendaftaran. Salinan² yang asli itu di-pereksa, di-jilid dan di-simpan sabagai record² tetap. Salinan² itu pula di-hantarkan ka-Jabatan Statistics untok di-kumpulkan angka² yang mustahak. Buku² daftaran beranak dan mati ada dari tahun 1872.

Ada pun pekerjaan² yang terutama dalam Pejabat Pendaftar Beranak dan Mati itu ada-lah:—

Mengadakan record² kerana menyediakan surat² beranak dan mati.

Mengadakan butir² kerana menyediakan angka² yang mustahak.

Menjaga Buku² Daftaran Anak² Angkat.

PEJABAT PENDAFTAR PERKUMPULAN² DAN SIARAN² PEJABAT

Pendaftar Perkumpulan² dan Pejabat Pendaftaran-nya itu bertanggung jawab kerana mendaftar dan mengawal perkumpulan yang di-daftarkan atau yang di-bebaskan daripada kena daftar di-bawah Undang² Perkumpulan² (Cap. 228). Sekarang ada 1,257 perkumpulan² yang di-daftarkan dan 1,036 yang di-bebaskan. Pendaftar itu ada juga kuasa² yang tidak begitu adil untuk menyoal ahli² perkumpulan gelap yang di-shakkan. Setelah di-soal jika pendaftar itu puas hati bahawa orang yang di-hadapan-nya ia-lah sa-orang daripada perkumpulan gelap yang di-haramkan, atau dia itu di-dapati memberi maalamat bohong terhadap sa-buah perkumpulan gelap yang di-haramkan maka pendaftar itu boleh mengemukakan dia supaya di-gambarkan dan di-ambil chap jari-nya untuk di-jadikan record. Mahkamah² biasa-nya menerima record² itu sabagai keterangan bahawa orang itu menjadi ahli perkumpulan gelap.

Siaran² Pejabat mentadbirkan 2 undang² ia-itu Undang² Menchetak Surat² Khabar (Cap. 226) di-bawah mana menchetak dan menyiarkan surat² khabar (seperti di-taarifkan dalam Undang² yang meliputi sebarang siaran² akhbar, penerangan, laporan² apa yang terjadi, kata² yang terlepas, kajian² atau ulasan² atas berita yang demikian itu, atau pun sebarang apa juga mengena-i kebaikan orang ramai yang tersiar dengan tetap atau tidak) dan Undang² siaran² yang tidak di-ingini (Cap. 124) di-bawah mana siaran² buku, majallah dan lain² yang di-bawa masuk ka-dalam negeri boleh di-pereksa, ditahan atau pun di-haramkan sama sakali. Ada pun siaran² di-bawah Undang² ini termasuk bukan sahaja barang² che-takan bahkan juga lambang² dan chogan² kata terhadap apa yang baik, barang² permainan, piring² peti menyanyi, pitar² record bagi tape recorder dan film.

PEJABAT PENYIASATAN CORRUPTION

PERTUBOHAN DAN PEKERJAAN

Ada pun Pengarah Pejabat ini bertanggung jawab terus kepada Menteri Hal Ehwal Negara kerana kecekapan memimpin Pejabat itu. Dia di-bantu oleh sa-orang Pengelola Police serta 7 Pegawai² Police lain ia-itu (2 A.S.P. dan 5 Inspector) pada menjalankan penyiasatan² dan pertanyaan² atas tuduhan corruption dalam Jabatan² Kerajaan atau bukan dalam Jabatan² Kerajaan sakali pun. Ada juga sa-orang penyiasat daripada orang awam kerana menolong penyiasatan itu, maka tujuan yang pertama bagi C.P.I.B. itu ada-lah menchegahkan corruption, menchari dan menda'wakan orang² yang telah melakukan perkara² yang demikian itu.